

Harga minyak mentah stabil semalam apabila pelabur menunggu untuk melihat sama ada OPEC dan Russia mungkin akan menunaikan janji untuk melaksanakan pengurangan pengeluaran untuk mengakhiri lebih bekalan yang berlanjutan selama dua tahun.

Minyak mentah Brent naik 10 sen satu tong kepada AS\$54.03 pada 0950 GMT.

WTI pula naik 15 cent kepada AS\$51.08 satu tong.

Harga minyak melonjak sebanyak 19 peratus selepas OPEC dan Russia pada minggu lalu mengumumkan mereka akan melaksanakan pengurangan pengeluaran tahun depan dalam usaha membawa kembali harga minyak lebih tinggi.

Namun keraguan tercetis

sama ada rancangan itu cukup untuk menampung dan mengimbangkan kembali lebihan yang besar di pasaran.

Sejak ia diumumkan, OPEC dan Russia masih mencatatkan rekod pengeluaran tinggi dan begitu juga pengeluaran di negara lain.

Pengurusan Maklumat Tenaga AS, kelmarin mengumumkan pengeluaran domestik negara itu bagi 2016 dan 2017 dijangka akan jatuh lebih rendah berbanding jangkaan.

“Pelabur berbelah-bahagi dengan harapan pengeluaran mencukupi untuk mengimbangkan bekalan dan permintaan dengan kebimbangan ia tidak mampu menampung lebihan,” kata Penganalisis Kanan London brokerage PVM Oil Associates, Tamas Varga.

REUTERS



Pelabur berbelah-bahagi dengan harapan pengeluaran mencukupi untuk mengimbangkan bekalan dan permintaan dengan kebimbangan ia tidak mampu menampung lebihan”

Tamas Varga,

Penganalisis Kanan London brokerage PVM Oil Associates